

05/08/2001

Negara Islam: Cina diminta tidak terpedaya helah Pas

PRESIDEN MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, menasihatkan masyarakat Cina tidak terpedaya dengan tipu helah pemimpin Pas mengenai hasrat untuk menubuhkan negara Islam.

"Hingga kini, Pas masih tidak berani menerangkan secara bertulis mengenai konsep negara Islam yang ingin mereka wujudkan.

"Pemimpin Pas sentiasa bercakap berlainan ketika berdepan dengan masyarakat Melayu dan bukan Melayu. Oleh itu, saya ingin menyeru masyarakat jangan terpedaya dengan tipu helah pemimpin Pas dalam hal ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada perasmian Perhimpunan Tahunan MCA ke-48, di ibu pejabat parti itu di sini, semalam yang dirasmikan Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Ling berkata, parti pembangkang lain sebenarnya sedar sistem politik dan kehakiman yang dicadangkan Pas sebenarnya bertentangan dengan ciri-ciri Perlembagaan Persekutuan.

Justeru, beliau yang juga Menteri Pengangkutan, berkata perkara pertama yang perlu dilakukan rakyat pelbagai kaum di negara ini ialah mengukuhkan perpaduan serta meningkatkan kerjasama, demi menjamin kesejahteraan negara berterusan.

"Walaupun, semangat keMalaysiaan rakyat kita semakin kuat, identiti orang Melayu, Cina, India dan kaum lain masih dapat dikekalkan... kepelbagaian ini (sebenarnya) telah memperkayakan identiti negara.

"Oleh sebab itu, kita harus mempertahankan masyarakat berbilang kaum yang unik ini kerana ia dapat merealisasikan aspirasi kita. (Hanya) Dengan cara integrasi sebegini, negara kita akan mampu menghadapi sebarang cabaran," katanya.

Menyentuh penubuhan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), Dr Ling berjanji ia akan menjadi sebuah universiti untuk semua rakyat tanpa mengira kaum.

"Kos dan kekurangan tempat tidak harus menjadi halangan kepada generasi muda untuk memperoleh kemahiran dan kelayakan akademik lebih tinggi," katanya.

Di samping itu, beliau juga berjanji dua akhbar berbahasa Cina, Nanyang Siang Pau dan China Press yang diambil alih oleh Huaren Holdings milik parti itu, tidak akan dijadikan 'suara parti MCA'.

"Saya memberi jaminan sekali lagi di sini, MCA tidak akan campur tangan dalam urusan perniagaan dan penyuntingan (editorial) Nanyang Press Holdings.

"Kita percaya media yang bebas dan bertanggungjawab amat diperlukan untuk membolehkan demokrasi berfungsi dengan baik," katanya.

(END)